

FAMA: RE / KW / 100-1/3 Jld.5 ( 43 )

Bil. Surat Kami :

Bil. Surat Tuan : 16 November 2015

## Pengeksport Durian Sejuk Beku

Tuan/Puan,

### **PENGUATKUASAAN SIJIL PERAKUAN PEMATUHAN (CoC) BAGI DURIAN ULAS SEJUK BEKU DAN SURAT PENGECEUALIAN (EL) BAGI DURIAN PES SEJUK BEKU DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2012**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Urusniaga Durian pada 15 Oktober 2015 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012 Jadual Ketiga Bahagian 1, pengeksportan durian sejuk beku hendaklah disertakan dengan Sijil Perakuan Pematuhan (CoC) atau Surat Pengecualian (EL) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.


3. Sehubungan dengan itu, mulai **1 Januari 2016** pengeksportan Durian Ulas sejuk beku dikehendaki memohon CoC secara dalam talian (on-line) melalui laman sesawang [www.e3p.fama.gov.my](http://www.e3p.fama.gov.my). Bagi pengeksport Durian Pes sejuk beku pula dikehendaki memohon EL secara manual dengan menggunakan borang yang boleh didapati melalui laman sesawang yang sama. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan **En. Mohd Azuan Mohd Amir** di talian 03-6126 4255, **En. Mohd Addly Mohamad Sueb** 03-6126 4323 dan **Pn. Nurulhasnita Hussin** 03-6126 4328.

4. Tuan/Puan adalah diminta mengambil maklum di atas keputusan ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(SHARIFAH HASHIM)

b.p. Ketua Pengarah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

s.k: KP  
TKP (P)  
TKP (PU)  
Semua PK  
Pengarah FAMA Negeri